





KADAR PERTUKARAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN  
REGRESI TEGUH

Oleh  
Anthea D.A David

Projek Ilmiah Tahun Akhir ini diserahkan untuk memenuhi  
sebahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
2009

i

1100076385



**JABATAN MATEMATIK  
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT 4499 B**

Adalah ini diakui dan disahkan bahawa laporan penyelidikan bertajuk Kadar Pertukaran Menggunakan Regresi Teguh oleh Anthea D.A David No. Matriks: UK14420 telah diperiksa dan semua pembedaan yang disarankan telah dilakukan. Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Matematik sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik Komputasi, Fakulti Sains dan Teknologi, UMT.

Disahkan oleh:

Penyelia Utama

Nama: **MUHAMAD SAFIIB BIN LOLA**  
*Pensyarah*

Cop Rasmi: **Jabatan Matematik  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Terengganu**

Tarikh: *05/05/2019* .....

Ketua Jabatan Matematik

Nama:

Cop Rasmi:

Tarikh: *5/5/19* .....

**DR. HJ. MUSTAFA BIN MAMAT**  
Ketua  
Jabatan Matematik  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Terengganu

## PENGAKUAN

Saya mengakui Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) yang bertajuk Kadar Pertukaran Menggunakan Pendekatan Regresi Teguh adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : 

Nama : ANTHEA D.A DAVID

No. Matriks : UK14420

Tarikh : 05 MEI 2009

## PENGHARGAAN

Salam sejahtera,

Syukur kepada Tuhan kerana dengan berkatnya saya berjaya menyiapkan laporan PITA ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Pelbagai cabaran dan kesukaran yang telah dihadapi sepanjang kajian dan penghasilan tesis bagi memastikan kesempurnaan kajian ini dan seterusnya memenuhi tahap yang telah ditetapkan oleh Jabatan Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Terengganu.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr.Muhammad Safiih bin Lola sebagai penyelia PITA saya yang telah banyak mencurahkan bakti dan memberi tunjuk ajar sehingga saya berjaya menyiapkan projek PITA ini. Panduan, pendapat, cadangan dan idea-idea yang diberikan telah banyak membantu saya dalam menyempurnakan projek ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada para pensyarah matematik yang telah membantu sama ada secara langsung ataupun tidak di atas kesungguhan memberikan sokongan moral serta nasihat berguna yang tidak pernah lekang di bibir. Ribuan terima kasih juga turut dirakamkan kepada Pak Yaya yang turut banyak membantu dalam memberikan pendapat dan tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan projek ini.

Tidak lupa juga kepada seluruh ahli keluarga, terutamanya ayah dan ibu yang telah banyak memberikan sokongan dari aspek sokongan moral mahupun sokongan kewangan. Tanpa sokongan tersebut, projek saya ini mungkin tidak akan mencapai tahap seperti sekarang. Kepada rakan-rakan, terima kasih di atas idea dan sokongan anda sepanjang penyempurnaan PITA ini.

Sekian, terima kasih

Anthea D.A David  
Universiti Malaysia Terengganu

## KADAR PERTUKARAN: SUATU PENDEKATAN REGRESI TEGUH

### ABSTRAK

Penggunaan data-data lepas amat penting untuk membuat peramalan mengenai sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, data-data yang digunakan terdedah kepada kecemaran data. Pendekatan teguh adalah salah satu kaedah yang amat berguna dalam mengurangkan kesan kecemaran data (data ekstrim) terhadap peramalan yang dibuat. Kewujudan data ekstrim (*outliers*) adalah suatu kekangan dalam peramalan bagi data kadar pertukaran. Oleh itu, kajian yang dilakukan terhadap data kadar pertukaran USD/RM dan JPY/RM adalah menggunakan pendekatan Regresi Teguh. Model Regresi Teguh yang dibina adalah Model Teguh Autoregresi (RAR) yang digunakan sebagai model peramalan. Pembinaan Model Teguh Autoregresi (RAR) adalah berdasarkan kaedah penganggaran skala. Kajian juga menunjukkan Model RAR adalah kurang sensitif terhadap data ekstrim di samping mempunyai keboleh ramalan yang baik bagi setiap kadar pertukaran. Pendekatan teguh dapat mengurangkan kesan kecemaran data (data ekstrim).

## **EXCHANGE RATES: A ROBUST REGRESSION APPROACH**

### **ABSTRACT**

The use of past data is important in forecasting some matter. However, the data that is being used are exposed to the outliers. Robust approach is one of the useful methods in decreasing the effect of outliers in forecasting. The presence of outliers is known to be the obstacle in forecasting the exchange rates data. This study take USD / RM and JPY / RM exchange rate's data which uses Robust Regression approach. Robust Regression model built is a Robust Autoregressive (RAR) Model which is used as forecasting model. The constructions of the Robust Autoregressive (RAR) Model are based on scale estimation method. The studies of RAR's Model also indicate that the model is less sensitive on data extremity or outliers besides of having a good predictability for each exchange rate. Robust approach can decreased the effect of outliers in forecasting.



## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
<b>PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT4499B</b>	ii
<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	Ix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN(TATANAMA/ISTILAH/SIMBOL)</b>	xi
<b>BAB 1           PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Batasan Kajian	4
<b>BAB 2           SOROTAN KAJIAN</b>	5
<b>BAB 3           METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	9
3.1 Kaedah Penganggaran-S	9
3.3 Penganggar Biweight (Tukey)	
3.3.1 Fungsi $\rho(x)$	14
3.3.2 Fungsi $\psi(x)$	14
3.3.3 Fungsi $w(x)$	14
3.4 Model Teguh	15
3.4.1 Model Teguh Linear Autoregressive(RAR)	16
3.5 Penilaian dan Perbandingan Ramalan	
3.5.1 Ralat bagi Punca Min Kuasa Dua - Root Mean Square Error (RMSE)	16
3.5.2 Ralat Mutlak bagi Min - Mean Absolute Error (MAE)	17
3.5.3 Sisihan Mutlak bagi Median - Median of Absolute Deviation (MAD)	17

<b>BAB 4</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	18
4.2	Model Peramalan Teguh (RAR)	19
4.3	Sensitiviti Model peramalan (RAR) terhadap data ekstrim.	20
4.4	Kebolehamalan bagi kadar pertukaran	23
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Kesimpulan	26
5.2	Cadangan	29
<b>RUJUKAN</b>		30
<b>LAMPIRAN</b>		32
<b>BIODATA</b>		

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
4.1	Model Peramalan Teguh (RAR)	19
4.2(a)	Hasil Peramalan statistik bagi Model Linear Autoregresi (AR) bagi Data Asal Kadar pertukaran Dollar US terhadap Ringgit Malaysia (USD/RM).	20
4.2(b)	Sensitiviti Model Teguh Autoregresi terhadap data ekstrim (kecemaran data) bagi kadar pertukaran mata wang Dollar US terhadap Ringgit Malaysia (USD/RM)	21
4.3(a)	Hasil Peramalan statistik bagi Model Linear Autoregresi (AR) bagi Data Asal Kadar pertukaran Yen Jepun terhadap Ringgit Malaysia (JPY/RM).	21
4.3(b)	Sensitiviti Model Teguh Autoregresi terhadap data ekstrim (kecemaran data) bagi kadar pertukaran mata wang Yen Jepun terhadap Ringgit Malaysia (JPY/RM)	22

## SENARAI LAMPIRAN

### Lampiran

- A Graf data Asal dan data Teguh bagi kadar pertukaran mata wang (USD/RM)
- B Graf data Asal dan data Teguh bagi kadar pertukaran mata wang (USD/RM) dengan kecemaran data sebanyak 1%
- C Graf data Asal dan data Teguh bagi kadar pertukaran mata wang (USD/RM) dengan kecemaran data sebanyak 5%
- D Graf data Asal dan data Teguh bagi kadar pertukaran mata wang (USD/RM) dengan kecemaran data sebanyak 10%
- E Graf data Asal dan data Teguh bagi kadar pertukaran mata wang (JPY/RM)
- F Graf data Asal dan data Teguh bagi kadar pertukaran mata wang (JPY/RM) dengan kecemaran data sebanyak 1%
- G Graf data Asal dan data Teguh bagi kadar pertukaran mata wang (JPY/RM) dengan kecemaran data sebanyak 5%
- H Graf data Asal dan data Teguh bagi kadar pertukaran mata wang (JPY/RM) dengan kecemaran data sebanyak 10%
- I Output Eviews untuk analisis data asal bagi kadar pertukaran mata wang (USD/RM) dan (JPY/RM) dan analisis data teguh bagi kadar pertukaran mata wang (USD/RM) dan (JPY/RM) masing-masing dengan kecemaran data 1%, 5% dan 10%
- J Senarai data asal bagi kadar pertukaran mata wang (USD/RM) dan kadar pertukaran mata wang (JPY/RM)

## SENARAI SINGKATAN

### Singkatan

HBP	High Breakdown Points
RAR	Robust Autoregressive
RMSE	Root Mean Square Error
MAE	Mean Absolute Error
MAD	Median Of Absolute Deviation
USD/RM	Kadar pertukaran bagi Dollar US kepada Ringgit Malaysia
JPY/RM	Kadar pertukaran bagi Yen Jepun kepada Ringgit Malaysia
AR	Autoregressive
LTS	Least Trimmed Square
LMS	Least Median Square
RW	Random Walk

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1. Pengenalan**

Dalam sistem kewangan, kadar pertukaran adalah salah satu aspek yang penting. Kadar pertukaran adalah suatu kadar di mana sesuatu susunan mata wang ditukarkan di antara satu sama lain, di samping turut disebut sebagai pertukaran kadar atau kadar pertukaran asing ataupun kadar pertukaran susunan mata wang. Copeland (2005), menyatakan bahawa kadar pertukaran adalah merupakan suatu harga. Ataupun, apabila kita melihat yang sebaliknya pula, istilah harga itu sendiri adalah kadar pertukaran. Kadar pertukaran juga dikenali sebagai kadar pertukaran luar, kadar forex atau kadar FX di antara dua susunan mata wang menentukan berapa banyak sesuatu susunan matawang tersebut bernilai antara satu sama lain (Wikipedia). Sebagai contoh, kadar pertukaran bagi 102 Yen Jepun (JPY, ¥) kepada 1 US dollar (USD, \$) adalah bermaksud JPY 102 mempunyai nilai yang sama dengan 1 USD. Pasaran pertukaran luar adalah salah satu daripada pasaran terbesar di dunia. Melalui beberapa penganggaran, lebih kurang 2 trillion USD nilai susunan mata wang bertukar tangan setiap hari.

Terdapat dua jenis kadar pertukaran; kadar pertukaran spot dan kadar pertukaran forward. Kadar pertukaran forward merujuk kepada kadar pertukaran yang

ditawarkan dan terniaga pada hari tersebut tetapi bagi pembayaran dan penghantaran pada tarikh khusus pada masa akan datang. Manakala, kadar pertukaran *spot* pula adalah merujuk kepada kadar pertukaran terkini.

Sebut harga bagi kadar pertukaran diberi dengan menyatakan bilangan unit bagi nilai susunan mata wang yang boleh dibeli pada nilai 1 unit susunan mata wang (juga dikenali sebagai susunan mata wang asas). Sebagai contoh, dalam sebut harga yang menyatakan kadar pertukaran bagi EURUSD ialah 1.5877 (1.5877 USD bagi setiap EUR), USD adalah nilai susunan mata wang (*term currency*) manakala EUR adalah susunan mata wang asas .

Adalah penting untuk mengetahui mengenai niagawan antarabangsa yang utama di dunia. Sidang persetujuan pasaran telah mengenal pasti yang mana susunan mata wang asas dan yang mana adalah nilai susunan mata wang. Di kebanyakan bahagian di dunia, tertib susunan adalah seperti berikut: EUR – GBP – AUD – NZD – USD - \*\*\* (di mana \*\*\* adalah merujuk kepada susunan mata wang yang lain). Demikiannya jika kita melakukan pemindahan daripada EUR ke dalam AUD, EUR adalah susunan mata wang asas di samping AUD sebagai nilai susunan mata wang. Di sini, kadar pertukaran memberikan informasi mengenai nilai dollar Australia yang perlu dibayar atau diterima bagi 1 euro.

Untuk mengenal pasti susunan mata wang asas bagi kes di mana kedua-dua susunan mata wang tidak tersenarai (\*\*\*), sidang persetujuan menggunakan susunan mata wang asas yang memberikan kadar pertukaran yang lebih besar daripada 1.000. Ini adalah untuk mengelakkan isu pembundaran di samping untuk mengelakkan kadar pertukaran disebut harga melebihi empat tempat perpuluhan.

Terdapat dua jenis sebut harga; sebut harga secara langsung dan sebut harga secara tidak langsung. Sebut harga secara tidak langsung menggunakan susunan mata wang negara sebagai unit susunan mata wang. Lazimnya, surat khabar di Britain, Australia, Newzealand dan Zon di Eropah menggunakan sebut harga secara tidak langsung. Manakala, sebut harga secara langsung pula menggunakan susunan mata wang negara sebagai nilai susunan mata wang. Kebanyakan negara di dunia menggunakan sebut harga secara langsung. Dalam sebut harga secara langsung, sekiranya susunan mata wang mengalami pengukuhan iaitu di mana mata wang sesebuah negara itu menjadi lebih bernilai, maka kadar pertukaran akan menurun. Sebaliknya, jika susunan mata wang asing mengalami pengukuhan, maka kadar pertukaran meningkat manakala nilai susunan mata wang negara pula berkurangan.

## 1.2 Pernyataan masalah

Berikutan kegagalan sistem Bretton-Woods pada tahun 1971 yang telah diperkenalkan pada Julai 1944, banyak perhatian diberikan terhadap peramalan kadar pertukaran. Umumnya, kadar pertukaran mempunyai perkaitan dengan perniagaan dalam pasaran kewangan. Oleh yang demikian, adalah penting bagi setiap ahli perniagaan, ahli korporat, ahli akademik dan sesiapa juga yang terlibat untuk mengetahui tentang peramalan kadar pertukaran. Kewujudan data ekstrim (*outliers*) adalah salah satu masalah yang seringkali dihadapi dalam peramalan kadar pertukaran. Kewujudan data ekstrim sememangnya memberikan impak yang besar terhadap kadar pertukaran. Daripada permasalahan yang dihadapi, kita dapat melihat kepentingan untuk mewujudkan satu pendekatan yang teguh untuk mengurangkan dan seterusnya mengatasi masalah tersebut. Oleh sebab itu, pendekatan Regresi Teguh akan digunakan dalam kajian mengenai kadar pertukaran.



### **1.3 Objektif Kajian**

Dalam menjalankan kajian terhadap kes ini, beberapa objektif bagi mencapai matlamat yang dikaji dikenalpasti. Antara objektif-objektif yang ingin dicapai ialah:

- (a) Membina model peramalan yang kurang sensitif terhadap kecemasan data ekstrim.
- (b) Menentukan keboleh ramalan bagi dua kadar pertukaran iaitu kadar pertukaran bagi USD/RM dan JPY/RM.

### **1.4 Batasan Kajian**

Kajian terbatas kepada data bagi kadar pertukaran Dollar US kepada Ringgit Malaysia (RM) dan juga kadar pertukaran Yen Jepun (JPY) kepada Ringgit Malaysia(RM). Kadar pertukaran adalah harga bagi pengakhiran bulan yang diperolehi daripada Bank Negara Malaysia. Sampel adalah bermula pada Januari 1997 sehingga Mac 2008 yang melibatkan 2788 data kadar pertukaran.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

Kajian terdahulu mengenai kadar pertukaran yang telah dijalankan oleh Preminger dan Franck (2007) menunjukkan bahawa terdapatnya perkembangan minat dan perhatian yang memberangsangkan dalam peramalan dan permodelan bagi pergerakan kadar pertukaran semenjak 20 tahun dahulu. Data bagi kadar pertukaran adalah dicirikan dengan kehadiran data ekstrim. Oleh yang demikian, mereka telah menggunakan pendekatan Regresi Teguh untuk mengurangkan impak data ekstrim terhadap penganggar regresi dalam menjalankan penyiasatan terhadap kebolehamalan kadar pertukaran bagi GBP/USD dan JPY/USD untuk 1-, 3- dan 6- bulan melintang dengan menggunakan spesifikasi linear dan tak linear bagi min bersyarat. Pendekatan Regresi Teguh adalah berasaskan penggunaan kaedah Penganggaran-S. Penganggaran-S menyediakan rintangan yang tinggi terhadap data ekstrim di samping mempunyai potensi untuk membuat ramalan yang lebih baik. Keputusan terhadap pemerhatian yang telah dibuat oleh mereka menunjukkan pendekatan Regresi Teguh boleh memperbaiki ketepatan model peramalan.

Kajian oleh Sakata & White (2000), menyatakan bahawa Penganggaran-S adalah suatu 'alat' yang menarik minat disebabkan kecenderungannya untuk sesuai dengan majoriti daripada titik data biarpun tidak cenderung untuk sesuai dengan minoriti daripada titik data. Sifat asimptotik pada Penganggaran-S adalah menggalakkan dalam pelbagai situasi. Sakata dan White telah membuktikan bahawa Penganggaran-S

bukanlah kurang cekap berbanding penganggar kuasa dua terkecil biasa (OLS) pada amnya. Pembuktian dilakukan dengan melakukan simulasi asimptotik dan Monte Carlo. Lebih lanjut lagi, secara amnya, limit stokastik bagi dua skala penganggar minimum yang berbeza adalah perbezaan penganggar itu sendiri. Contoh empirik bagi penggunaan ataupun aplikasi bagi Penganggar-S dalam siri masa kewangan juga telah diketengahkan, di mana penggunaan Penganggar-S sekaligus boleh juga dikaitkan dengan kajian peramalan kadar pertukaran.

Qi & Wu (2003), dalam kajian terdahulu menyatakan bahawa peramalan kadar pertukaran adalah tugas yang amat sukar dan merupakan cabaran kepada ahli akademik untuk membuat penyelidikan dengan mencurahkan usaha yang hebat untuk merumuskan model yang kemas serta memajukan teknik peramalan yang canggih.

Melalui kajian oleh Aelst & Willems (2004), hanya ketegasan penganggar-S dalam menandakan titik kekuatan yang lebih baik yang membezakan penganggar kuasa dua terkecil dengan penganggar-S. Kenyataan ini dibuktikan dalam kajian terhadap data jangkaan hayat yang boleh didapati dalam "*World Almanac and Book of Facts 1993*" yang mengandungi jangkaan hayat bagi 38 buah negara di dunia yang mempunyai sifat sosial yang sama. Model Regresi Multivariat dipertimbangkan di mana jangkaan hayat lelaki dan wanita adalah pembolehubah bergerak balas dan dua pembolehubah yang bersifat menerangkan adalah jumlah orang bagi setiap televisyen dan jumlah orang bagi setiap doktor. Jumlah orang bagi setiap doktor adalah pembolehubah penjelmaan log yang mana menghasilkan penandaan titik kekuatan yang lebih baik.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Rousseeuw & Yohai (1984) dalam kajian mereka, penganggar-S adalah jauh lebih cekap dan mempunyai permintaan yang kurang secara penaksiran jika dibandingkan dengan penganggar teguh yang lain seperti kaedah kemas kuasa dua terkecil (LTS) atau kaedah penganggar kuasa dua terkecil bagi

median (LMS). Tidak seperti penganggar LTS dan LMS, penganggar-S menurun mengikut pemerhatian terpencil yang licin, yang mana lebih bersifat semula jadi daripada dari sudut pandangan seseorang yang mahir. Penganggar ini dikenali sebagai penganggar kegagalan (HBP) yang tinggi, kerana ia dapat mengatasi kecemaran data ekstrim sehingga 50 peratus dalam data melintang.

Hund et.al (2002) mendapati bahawa regresi bagi fungsi biweight(Tukey) adalah lebih mendapat liputan luas berbanding regresi biweight(Huber). Dapatan tersebut adalah melalui ujian keteguhan (*Robustness tests*) berdasarkan pendekatan lakaran percubaan. Kajian mendapati pemerhatian dengan ralat yang lebih besar daripada nilai tersembunyi (*Threshold value*) tertentu,  $c$ , akan diabaikan pada lelaran seterusnya. Oleh yang demikian, prosedur pemberatan hanya melibatkan pemerhatian dengan ralat yang kecil daripada nilai tersembunyi sahaja. Dengan  $c = 1.547$  sebagai nilai tersembunyi, ini bermakna seluruh pemerhatian dengan  $r_i > c$  pada lelaran terdahulu tidak akan dipertimbangkan pada lelaran semasa. Kajian juga mendapati kesemua kaedah Regresi Teguh mengurangkan kesan terhadap data ekstrim iaitu mengurangkan sensitiviti terhadap data ekstrim. Kaedah Regresi Teguh dengan fungsi biweight(Tukey) adalah yang paling disyorkan kerana sering menunjukkan persamaan iaitu paling menghampiri penganggaran biasa kuasa dua terkecil (*OLS estimates*) bagi set data asal.

Singh (1996) dalam kajian beliau mengenal pasti dua jenis data ekstrim yang wujud dalam Model Linear. Oleh sebab kehadiran data ekstrim yang tinggi akan memberi kesan kepada sesebuah kajian, maka model tersebut perlu diteguhkan. Dua jenis data ekstrim yang wujud adalah data ekstrim regresi (data ekstrim menegak- $Y$ ) dan titik kekuatan (*leverage point*) ataupun data ekstrim melintang- $X$ . Data ekstrim menegak- $Y$  wujud apabila pemerhatian pada data( $X_i, Y_i$ ) tidak mematuhi paten linear yang sepatutnya. Titik kekuatan pula adalah data ekstrim pada ruang  $(p-1)$  pembolehubah  $XY$  penjelasan jika terdapat kehadiran pemalar. Titik kekuatan boleh jadi buruk (*significant*)

nyata ataupun baik (*insignificant*). Prosedur regresi sepatutnya cukup efektif untuk tidak mengenal pasti titik kekuatan yang buruk terhadap suatu nilai julat yang besar pada sesebuah kajian bagi sesetengah lakaran pemboleh ubah X. Di samping itu, prosedur regresi teguh seharusnya jelas dan tidak berselindung bagi kedua-dua titik kekuatan dan data ekstrim regresi, cukup efektif untuk membezakan titik kekuatan baik dan titik kekuatan buruk dan boleh menghasilkan anggaran yang stabil dan boleh dipercayai. Selain itu, penganggaran regresi teguh sama ada terdapat ataupun tiada data ekstrim harus hampir dengan anggaran klasik yang berkaitan walaupun selepas data ekstrim dikeluarkan.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.1. Pengenalan**

Melalui pemerhatian kepada kajian-kajian lepas, Model Regresi Teguh telah dikenalpasti sebagai model yang sesuai digunakan sebagai metodologi dalam kajian ini. Ini adalah disebabkan oleh kebolehpayaan model ini untuk mengurangkan kecemaran data ekstrim dalam sesebuah data bagi kadar pertukaran. Kaedah penganggaran-S telah dipilih sebagai kaedah untuk menjalankan kajian terhadap model ini.

#### **3.2. Kaedah Penganggaran-S**

Kaedah penganggaran-S digunakan untuk memperoleh ramalan teguh sebagai alternatif bagi kaedah penganggaran kuasa dua terkecil (kaedah penganggaran LS) yang biasa. Sakata & White (2001) telah menunjukkan bahawa ukuran skala ini adalah skala biasa pada asalan. Dan sini, dengan ketiadaan kecemaran data, dapatan ramalan dengan menggunakan penganggar-S adalah sama dengan dapatan ramalan apabila menggunakan kaedah kuasa dua terkecil. Walau bagaimanapun, kaedah penganggar-S menyediakan

ramalan teguh bagi kes kecemaran data. Penganggar-S (Rousseeuw & Yohai, 1984) daripada kelas kegagalan mempunyai pertalian varians penganggar yang setara dengan kadar penumpuan  $n^{-1/2}$ , yang didefinisikan sebagai peminimuman bagi penyebaran baki:

$$\underset{\hat{\theta}}{\text{Minimumkan}} s(r_1(\theta), \dots, r_n(\theta)) \quad (3.1)$$

Dengan anggaran terakhir bagi skala:

$$\hat{\sigma} = s(r_1(\hat{\theta}), \dots, r_n(\hat{\theta})) \quad (3.2)$$

Penyebaran bagi  $s(r_1(\theta), \dots, r_n(\theta))$  didefinisikan sebagai penyelesaian bagi:

$$\frac{1}{n} \sum_{i=1}^n \rho\left(\frac{r_i}{s}\right) = K \quad (3.3)$$

(Gervini & Yohai, 2002). Kebiasaanya,  $K = E_{\Phi}[\rho]$ , dimana  $\Phi$  adalah piawai normal. Fungsi  $\rho$  hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

(S1)  $\rho$  adalah simetri dan boleh dibezakan secara berterusan, serta  $\rho(0) = 0$ .

(S2) Terdapat  $c > 0$  demikian bahawa  $\rho$  bertambah secara tegas pada  $[0,c]$  dan malar pada  $[c, \infty)$ .

$$(S3) \frac{K}{\rho(c)} = \frac{1}{2}$$

Jika terdapat lebih daripada satu penyelesaian pada ( 3.3 ), letakkan  $s(r_1, \dots, r_n)$  bersamaan dengan set penyelesaian supremum:

$$s(r_1, \dots, r_n) = \sup\{s; (1/n) \sum \rho(r_i / s) = K\} \quad (3.4)$$

Jika tiada penyelesaian pada ( 3.3 ), letakkan  $s(r_1, \dots, r_n)$  bersamaan dengan sifar:

$$s(r_1, \dots, r_n) = 0 \quad (3.5)$$

Penganggar pada ( 3.1 ) dikenali sebagai penganggar-S kerana ia adalah jadian daripada skala statistik dalam cara termasuk. Sebenarnya,  $s$  yang diberikan pada ( 3.3 ) adalah penganggar-M bagi skala. Jelas bahawa penganggar-S adalah regresi, skala dan mempunyai pertalian varian yang setara.

Oleh sebab syarat (S2),  $\psi(x) = \rho'(x)$  akan sentiasa bernilai sifar bagi sesetengah nilai  $x$  yang ada, jadi  $\psi$  adalah menurun secara berulang.



Untuk membuat anggaran bagi model yang dibina, penganggar-S digunakan yang mana fungsi  $\rho(\cdot)$  diterbitkan daripada fungsi Biweight (Tukey) (Mokhtar Abdullah, 1994):

$$\rho(x) = \begin{cases} \frac{x^2}{2} - \frac{x^4}{2c^2} + \frac{x^6}{6c^4} & \text{Untuk } |x| \leq c \\ \frac{c^2}{6} & \text{Untuk } |x| > c \end{cases} \quad (3.6)$$

Jelas bahawa fungsi  $\rho(\cdot)$  mencapai supremum,  $\bar{\rho}$  pada  $\bar{\rho} = 1/6$ . (Sakata & White; 2001).

Dalam kes ( 3.6 ) dengan  $K = E_{\phi}[\rho]$ , ia dapat dicapai dengan mengambil  $c = 1.547$ . Sekarang, lihat penganggar skala  $s(r_1, \dots, r_n)$  yang mana didefinisikan oleh ( 3.3 ) bagi mana-mana sampel  $(r_1, \dots, r_n)$ .

Untuk setiap  $\rho$  yang memenuhi syarat (S1)-(S3) dan bagi setiap  $n$ , terdapat pemalar positif,  $\alpha$  dan  $\beta$  demikian seperti penganggar-S yang diberikan oleh ( 3.3 ) yang memenuhi:

$$\alpha \operatorname{med}_i |r_i| \leq s(r_1, \dots, r_n) \leq \beta \operatorname{med}_i |r_i| \quad (3.7)$$

Daripada (3.7),  $\operatorname{med}_i$  atau  $s(r_1, \dots, r_n)$  mungkin boleh menjadi sifar.

Untuk setiap  $\theta \in \Theta$  dan sample  $(y_i, x_i)$ ,  $i = 1, 2, \dots, n$ , definisi ukuran skala bagi baki adalah seperti berikut:-

$$S(\theta) = \sup \left\{ s \in \mathfrak{R}_{++} : \frac{1}{n} \sum_{i=1}^n \rho((y_i - h(x_i, \theta)) / s) = K \right\} \quad (3.8)$$

Dengan,

$$\mathfrak{R}_{++} = (0, \infty);$$

$$r_i = y_i - h(x_i, \theta);$$

$$K \in (0, \frac{1}{2} \bar{\rho});$$

$S(\theta) = 0$  jika persamaan tidak mempunyai penyelesaian.

Penganggar-S,  $\hat{\theta}_n^S$  didefinisikan sebagai :-

$$\begin{aligned} \hat{\theta}_n^S &= \arg \min_{\theta \in \Theta} S(\theta) \\ &= \arg \min_{\theta \in \Theta} \sup \left\{ s \in \mathfrak{R}_{++} : \frac{1}{n} \sum_{i=1}^n \rho((y_i - h(x_i, \theta)) / s) = K \right\} \end{aligned} \quad (3.9)$$

$\hat{\theta}_n^S$  digunakan untuk membina model regresi teguh iaitu Model Teguh Linear Autoregressive (RAR) dan Model Teguh Rangkaian Neural (RNN).

### 3.3. Penganggar Biweight (Tukey)

#### 3.3.1 Fungsi $\rho(x)$

$$\rho(x) = \begin{cases} \frac{c^2}{6} \left[ 1 - \left( \frac{x}{c} \right)^2 \right]^3 & \text{untuk } |x| \leq c \\ \frac{c^2}{6} & \text{untuk } |x| > c \end{cases} \quad (3.10)$$

#### 3.3.2 Fungsi $\psi(x)$

$$\psi(x) = \begin{cases} x \left[ 1 - \left( \frac{x}{c} \right)^2 \right]^2 & \text{untuk } |x| \leq c \\ 0 & \text{untuk } |x| > c \end{cases} \quad (3.11)$$

#### 3.3.3 Fungsi $w(x)$

$$w(x) = \begin{cases} \left[ 1 - \left( \frac{x}{c} \right)^2 \right]^2 & \text{untuk } |x| \leq c \\ 0 & \text{untuk } |x| > c \end{cases} \quad (3.12)$$

Dengan melakukan pengembangan terhadap ( 3.10 ), ( 3.6 ) diperoleh. Kemudian ( 3.6 ) dibezakan sekali untuk mendapatkan ( 3.11 ). Seterusnya ( 3.11 ) dibezakan lagi untuk mendapatkan ( 3.12 ). ( 3.13 ) dan ( 3.14 ) menunjukkan urutan pembezaan yang dilakukan ke atas ( 3.10 ), ( 3.11 ) sehingga ke ( 3.12 ).

$$\frac{d}{d(x)}(\rho(x)) = \frac{d}{d(x)} \left( \left\{ \begin{array}{c} \frac{x^2}{2} - \frac{x^4}{2c^2} + \frac{x^6}{6c^4} \\ \frac{c^2}{6} \end{array} \right\} \right) = \left\{ \begin{array}{c} x \left[ 1 - \frac{2x^2}{c^2} + \frac{x^4}{c^4} \right] \\ 0 \end{array} \right\} = \psi(x) = \left\{ \begin{array}{c} \left[ 1 - \left( \frac{x}{c} \right)^2 \right]^2 \\ 0 \end{array} \right\} \quad (3.13)$$

$$\frac{d}{d(x)}(\psi(x)) = \frac{d}{d(x)} \left( \left\{ \begin{array}{c} x \left[ 1 - \frac{2x^2}{c^2} + \frac{x^4}{c^4} \right] \\ 0 \end{array} \right\} \right) = \left\{ \begin{array}{c} \left[ 1 - \left( \frac{x}{c} \right)^2 \right]^2 \\ 0 \end{array} \right\} = w(x) \quad (3.14)$$

### 3.4 Model Teguh

Oleh sebab kepekaan bagi kaedah penganggaran-S terhadap data ekstrim, Model Teguh Linear Autoregressive (RAR) dan ditafsirkan dengan menggunakan prosedur penganggaran-S seperti yang telah digambarkan di atas. Terdapat tiga nilai yang digunakan;  $0.01\bar{\rho}$ ,  $0.05\bar{\rho}$ , dan  $0.1\bar{\rho}$ , masing-masing untuk K supaya memperoleh ramalan teguh dengan titik kegagalan yang rendah, titik kegagalan yang sederhana dan juga titik kegagalan yang tinggi.

Model Teguh Linear Autoregressive masing-masing ditandakan RAR (1%), RAR (5%) dan RAR (10%).

### 3.4.1. Model Teguh Linear Autoregressive (RAR)

Untuk memperoleh peramalan bagi siri pulangan bagi kadar pertukaran, model regresi dianggarkan berdasarkan susulan pulangan. Pertimbangkan Model Linear Autoregressive berikut:

$$r_i = \alpha + \sum_{t=1}^p \beta_t r_{i-t} + \varepsilon_i \quad (3.15)$$

Gantikan fungsi  $r_i = \frac{x^2}{2} - \frac{x^4}{2c^2} + \frac{x^6}{6c^4}$  ke dalam ( 3.15 ) jika  $|x| \leq c$  , dan gantikan fungsi  $r_i = \frac{c^2}{6}$  ke dalam ( 3.15 ) jika  $|x| > c$  .

### 3.5 Penilaian dan Perbandingan Ramalan.

Ramalan ralat statistik didefinisikan seperti berikut:-

#### 3.5.1 Ralat bagi punca Min Kuasa Dua - Root Mean Square Error (RMSE)

$$RMSE = \sqrt{\frac{1}{n} \sum_{\tau=t+1}^{t+n} (r_\tau - \hat{r}_\tau)^2} \quad (3.17)$$

Dengan,

$r_\tau$  adalah pulangan sebenar

$\hat{r}_\tau$  adalah anggaran pulangan

Pada masa,  $\tau$

### 3.5.2 Ralat Mutlak bagi Min – Mean Absolute Error (MAE)

$$MAE = \frac{1}{n} \sum_{\tau=t+1}^{t+n} |r_{\tau} - \hat{r}_{\tau}| \quad (3.18)$$

Dengan,

$r_{\tau}$  adalah pulangan sebenar

$\hat{r}_{\tau}$  adalah anggaran pulangan

Pada masa,  $\tau$

### 3.5.3 Sisihan Mutlak bagi Median - Median of Absolute Deviation(MAD)

$$MAD = \text{median}(|r_{\tau} - \text{median}(r_{\tau})|) \quad (3.19)$$

Dengan,

$r_{\tau}$  adalah pulangan sebenar

$\hat{r}_{\tau}$  adalah anggaran pulangan

Pada masa,  $\tau$

RMSE dan MAE adalah pengukuran biasa untuk peramalan ralat prestasi, tetapi kurang teguh kepada data ekstrim yang mustahil secara umumnya. Statistik MAD turut disertakan kerana tidak ditambahkan dengan pemerhatian ekstrim dan juga memberikan petunjuk yang tepat bagi ramalan prestasi untuk data yang bebas daripada data ekstrim. Bagi statistik RMSE, MAE dan MAD, lebih rendah sesuatu output, maka lebih baik sesuatu ketepatan peramalan.

## **BAB 4**

### **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1. Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan berkenaan kadar pertukaran matawang Dollar US kepada Ringgit Malaysia (USD/RM) dan juga kadar pertukaran matawang Yen Jepun kepada Ringgit Malaysia (JPY/RM). Hasil dapatan kajian yang akan dibincangkan adalah selari dengan objektif kajian yang telah ditetapkan pada awal bab. Dapatan kajian yang akan dibincangkan termasuklah Model peramalan RAR yang telah dibina. Selain itu, beberapa perbandingan juga dilakukan untuk menunjukkan bahawa Model RAR adalah model yang kurang sensitif terhadap data ekstrim. Akhir sekali, dalam bab ini juga akan disimpulkan keboleh ramalan bagi kedu-dua kadar pertukaran yang dikaji.

## 4.2 Model Peramalan Teguh (RAR)

Jadual 4.1: Model Peramalan

Model Regresi - Model Autoregresi Linear (AR)	Fungsi Biweight (Tukey)	Syarat	Model Regresi Teguh - Model Teguh Autoregresi (RAR)
$r_i = \alpha + \sum_{t=1}^p \beta_t r_{i-t} + \varepsilon_i$	$r_i = \frac{x^2}{2} - \frac{x^4}{2c^2} + \frac{x^6}{6c^4}$	$ x  \leq c$	$\frac{x^2}{2} - \frac{x^4}{2c^2} + \frac{x^2}{6c^4} = \alpha + \sum_{t=1}^p \beta_t r_{i-t} + \varepsilon_i$
	$c = 1.547$		
	$r_i = \frac{c^2}{6}$	$ x  > c$	$\frac{c^2}{6} = \alpha + \sum_{t=1}^p \beta_t r_{i-t} + \varepsilon_i$
	$c = 1.547$		

Jadual 4.1, menunjukkan pembinaan Model Regresi Teguh. Model Regresi yang digunakan adalah Model Autoregesi Linear (AR) di mana lajur pertama adalah Model Autoregesi Linear sebelum ditambahkan elemen teguh. Elemen teguh yang dimaksudkan adalah hasil daripada pengolahan terhadap kaedah penganggar skala (penganggar-S) yang mana fungsi  $r(\cdot)$  yang terdapat pada penganggar-S diterbitkan daripada penganggar Biweight (Tukey) yang boleh diperhatikan pada lajur kedua Jadual 4.1.

Baris pertama pada lajur kedua menunjukkan penganggar Biweight (Tukey) yang perlu dikacukan pada Model Autoregesi Linear (model asal) untuk membentuk Model Autoregesi Teguh. Walau bagaimanapun, penambahan elemen teguh mestilah memenuhi



syarat di mana nilai mutlak bagi  $x$  hendaklah lebih kecil atau sama dengan nilai  $c$ , ( $|x| \leq c$ ). Baris kedua pada lajur kedua pula menunjukkan penganggar Biweight (Tukey) yang perlu ditambahkan pada Model Autoregresi Linear untuk membentuk Model Autoregresi Teguh berdasarkan syarat bahawa nilai mutlak bagi  $x$  haruslah lebih besar daripada nilai  $c$ , ( $|x| > c$ ).

Menurut Rousseeuw & Yohai (1984), nilai penganggar  $c = 1.547$  dapat dicapai dengan mengambil nilai penganggar  $c = 1.547$ . Pemilihan nilai  $c$  ini juga adalah disebabkan titik kegagalan sebanyak 50%.

### 4.3 Sensitiviti Model peramalan (RAR) terhadap data ekstrim.

Hasil kajian mendapati model peramalan teguh (RAR) adalah kurang sensitif terhadap data ekstrim.

Jadual 4.2(a) : Hasil Peramalan statistik bagi Model Linear Autoregresi (AR) bagi Data Asal Kadar pertukaran Dollar US terhadap Ringgit Malaysia (USD/RM).

RMSE	MAE	MAD
0.0215258	0.01489911	0.005004086

Jadual 4.2(a) di atas menunjukkan hasil peramalan statistik bagi Model Linear Autoregresi (AR) bagi Data Asal Kadar Pertukaran Dollar US terhadap Ringgit Malaysia (USD/RM) yang akan dibandingkan dengan keputusan pada Jadual 4.2(b) bagi menentukan kebolehamalan bagi kadar pertukaran USD/RM.

Jadual 4.2(b) : Sensitiviti Model Teguh Autoregresi terhadap data ekstrim (kecemaran data) bagi kadar pertukaran mata wang Dollar US terhadap Ringgit Malaysia (USD/RM)

Kecemaran data (%)	Kaedah Peramalan Statistik		
	RMSE	MAE	MAD
1	0.01599138	0.008836909	0.005670747
5	0.01257981	0.006704341	0.004469122
10	0.00664021	0.004110636	0.002824626

Berdasarkan Jadual 4.2(b) di atas, jelas dilihat bahawa bagi kadar pertukaran Dollar US terhadap Ringgit Malaysia (USD/RM), titik kegagalan yang tinggi (kecemaran data sebanyak 10%) memberikan nilai ralat yang paling kecil pada ketiga-tiga kaedah peramalan statistik (RMSE,MAE,MAD). Ini disusuli dengan titik kegagalan sederhana (kecemaran data sebanyak 5%) dan seterusnya titik kegagalan rendah (kecemaran data sebanyak 1%).

Jadual 4.3(a) : Hasil Peramalan statistik bagi Model Linear Autoregresi (AR) bagi Data Asal Kadar pertukaran Yen Jepun terhadap Ringgit Malaysia (JPY/RM).

RMSE	MAE	MAD
0.0263927	0.0213158	0.006287016

Jadual 4.3(a) di atas menunjukkan hasil peramalan statistik bagi Model Linear Autoregresi (AR) bagi Data Asal Kadar Pertukaran Yen Jepun terhadap Ringgit Malaysia (JPY/RM) yang akan dibandingkan dengan keputusan pada Jadual 4.3(b) bagi menentukan kebolehamalan bagi kadar pertukaran JPY/RM.

Jadual 4.3(b) : Sensitiviti Model Teguh Autoregresi terhadap data ekstrim (kecemaran data) bagi kadar pertukaran mata wang Yen Jepun terhadap Ringgit Malaysia (JPY/RM)

Kecemaran data (%)	Kaedah Peramalan Statistik		
	RMSE	MAE	MAD
1	0.02899789	0.01674602	0.005828213
5	0.02143718	0.0131935	0.003457293
10	0.01088907	0.008854528	0.001431246

Berdasarkan Jadual 4.3(b), keputusan yang sama diperolehi bagi kadar pertukaran Yen Jepun terhadap Ringgit Malaysia (JPY/RM), titik kegagalan yang tinggi (kecemaran data sebanyak 10%) memberikan nilai ralat yang paling kecil pada ketiga-tiga kaedah peramalan statistik (RMSE,MAE,MAD). Ini disusuli dengan titik kegagalan sederhana (kecemaran data sebanyak 5%) dan seterusnya diikuti oleh titik kegagalan rendah (kecemaran data sebanyak 1%).

Pengujian untuk menentukan sama ada sensitiviti bagi model yang dibina adalah tinggi ataupun rendah terhadap data ekstrim dapat dilihat melalui tiga kaedah peramalan statistik masing-masing seperti Jadual 4.2(a), Jadual 4.2(b), Jadual 4.3(a), dan Jadual 4.3(b) iaitu Ralat bagi Punca Min Kuasa Dua (RMSE), Ralat Mutlak bagi Min (MAE), dan Sisihan Mutlak bagi Median (MAD).

Kedua-dua data kadar pertukaran (USD/RM) dan (JPY/RM) yang telah diteguhkan menggunakan Model Teguh yang telah dibina dicemarkan sebanyak 1%, 5% dan 10%. Kecemaran data sebanyak 1% adalah mewakili titik kegagalan (*Breakdown point*) yang rendah. Manakala kecemaran data sebanyak 5% adalah mewakili titik kegagalan yang sederhana di samping titik kegagalan yang tinggi yang diwakili oleh kecemaran data sebanyak 10%.

Seterusnya perbandingan dapat dibuat dengan melihat nilai ralat yang diperolehi apabila diuji pada titik kegagalan yang rendah (1%), titik kegagalan yang sederhana (5%) dan titik kegagalan yang tinggi (10%).

Nilai ralat yang kecil pada titik kegagalan yang tinggi jelas membuktikan bahawa model yang dibina mempunyai sensitiviti yang rendah terhadap data ekstrim. Manakala, nilai ralat yang lebih besar pada titik kegagalan yang rendah membuktikan bahawa model yang dibina mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap data ekstrim. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa Model Autoregresi Teguh yang dibina adalah kurang sensitif terhadap data ekstrim sekaligus menunjukkan bahawa penganggaran berdasarkan model teguh dapat memperbaiki prestasi bagi sesuatu model peramalan yang digunakan.

#### **4.4 Kebolehamalan bagi kadar pertukaran**

Kebolehamalan dalam konteks kadar pertukaran bermaksud ketepatan ramalan yang dapat diperolehi melalui model yang digunakan. Semakin kecil nilai ralat yang diperolehi, maka semakin dekat dengan penyelesaian sebenar, oleh itu semakin tepat ramalan yang diperolehi.

Kebolehamalan bagi kadar pertukaran dapat dikenal pasti melalui perbandingan di antara data asal dengan data teguh (data yang dicemarkan) terhadap nilai peramalan statistik. Perbandingan menunjukkan bahawa Model Autoregresi Teguh mempunyai ketepatan peramalan yang lebih baik berbanding model Autoregresi Linear.

Bagi kadar pertukaran Dollar US terhadap Ringgit Malaysia (USD/RM), kebolehamalan adalah berdasarkan perbandingan yang dibuat daripada Jadual 4.2(a) dan

Jadual 4.2(b). Bagi data asal, Jadual 4.2(a) menunjukkan nilai peramalan statistik adalah seperti berikut;  $RMSE = 0.0215258$ ,  $MAE = 0.01489911$ , dan  $MAD = 0.005004086$ . Bagi data teguh (Jadual 4.2(b)), kecemaran data sebanyak 1% masing-masing memberikan nilai  $RMSE = 0.01599138$ ,  $MAE = 0.008836909$ , dan  $MAD = 0.005670747$ . Manakala, kecemaran data sebanyak 5% pula masing-masing memberikan nilai  $RMSE = 0.01257981$ ,  $MAE = 0.006704341$  dan  $MAD = 0.004469122$ . Sementara itu, nilai  $RMSE$ ,  $MAE$  dan  $MAD$  bagi kecemaran data 10% masing-masing adalah  $0.00664021$ ,  $0.004110636$  dan  $0.002824626$ . Melalui perbandingan nilai peramalan statistik ( $RMSE, MAE, MAD$ ) yang diperolehi, didapati nilai ralat bagi data asal adalah lebih besar berbanding ketiga-tiga nilai peramalan statistik bagi data teguh yang telah dicemarkan.

Pemerhatian yang sama diperolehi bagi kadar pertukaran Yen Jepun terhadap Ringgit Malaysia ( $JPY/RM$ ), kebolehamalan adalah berdasarkan perbandingan yang dibuat daripada Jadual 4.3(a) dan Jadual 4.3(b). Bagi data asal, Jadual 4.3(a) menunjukkan nilai peramalan statistik adalah seperti berikut;  $RMSE = 0.0263927$ ,  $MAE = 0.0213158$ , dan  $MAD = 0.006287016$ . Bagi data teguh (Jadual 4.3(b)), kecemaran data sebanyak 1% masing-masing memberikan nilai  $RMSE = 0.02899789$ ,  $MAE = 0.01674602$ , dan  $MAD = 0.005828213$ . Manakala, kecemaran data sebanyak 5% pula masing-masing memberikan nilai  $RMSE = 0.02143718$ ,  $MAE = 0.0131935$  dan  $MAD = 0.003457293$ . Sementara itu, nilai  $RMSE$ ,  $MAE$  dan  $MAD$  bagi kecemaran data 10% masing-masing adalah  $0.01088907$ ,  $0.008854528$  dan  $0.001431246$ . Melalui perbandingan nilai peramalan statistik ( $RMSE, MAE, MAD$ ) yang diperolehi, didapati nilai ralat bagi data asal adalah lebih besar berbanding ketiga-tiga nilai peramalan statistik bagi data teguh yang telah dicemarkan.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kebolehamalan bagi kedua-dua kadar pertukaran adalah baik sekiranya menggunakan Model Autoregresi Teguh kerana

memberikan nilai yang lebih tepat di mana nilai ralat yang diperolehi adalah kecil walaupun dengan penambahan data yang ekstrim.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Kesimpulan

Berpandukan keputusan dan perbincangan yang telah dilaksanakan pada bab 4, Kajian ini didapati telah mencapai objektif yang telah digariskan pada awal bab. Model peramalan regresi teguh (RAR) telah dapat dibina dengan menggunakan kaedah penganggar-S dengan  $r(\cdot)$  diterbitkan daripada fungsi Biweight (Tukey). Pembinaan peramalan regresi model teguh (RAR) adalah seperti berikut:-

#### Model Linear Autoregresi (AR)

Model AR menceritakan mengenai siri masa sebagai fungsi linear untuk nilai yang lepas. Model AR adalah hampir sama dengan model regresi berganda di mana  $r_i$  dalam model AR diregresikan dengan nilai  $r_i$  terdahulu ( $r_{i-t}$ ). Darjah model AR menyatakan jumlah nilai pergerakan yang lepas. Model AR yang paling ringkas ialah turutan pertama Autoregresi AR(1). Persamaan untuk model ini ialah

$$r_i = \alpha + \sum_{t=1}^p \beta_t r_{i-t} + \varepsilon_i$$

Dengan mengabaikan  $\alpha$ , maka

$$r_i = \beta_1 r_{i-1} + \beta_2 r_{i-2} + \dots + \beta_p r_{i-p} + \varepsilon_i \quad , \text{ Untuk } i = 1, \dots, n$$

Dengan,

$n$  adalah jumlah data yang digunakan

$p$  adalah derajat bagi model AR yang digunakan

### Model Teguh Autoregresi (RAR)

Pembinaan model teguh autoregresi adalah dengan menggunakan kaedah penganggar-S di mana

$r(\cdot)$  diterbitkan daripada fungsi Biweight (Tukey) iaitu  $r_i = \frac{x^2}{2} - \frac{x^4}{2c^2} + \frac{x^6}{6c^4}$  jika syarat  $|x| \leq c$  dipenuhi dan  $r_i = \frac{c^2}{6}$  jika syarat  $|x| > c$  dipenuhi. Nilai  $r_i$  yang memenuhi syarat akan dikacukkan dengan model autoregresi linear (AR) iaitu model asal yang seterusnya akan membentuk model regresi teguh (RAR) seperti berikut:-

$$\frac{x^2}{2} - \frac{x^4}{2c^2} + \frac{x^6}{6c^4} = \alpha + \sum_{t=1}^p \beta_t r_{i-t} + \varepsilon_i \quad \text{jika } |x| \leq c \quad \text{dan}$$

$$\frac{c^2}{6} = \alpha + \sum_{t=1}^p \beta_t r_{i-t} + \varepsilon_i \quad \text{jika } |x| > c$$

Dengan,

$x$  adalah nilai bagi setiap data asal kadar pertukaran

$c$  adalah pemalar dengan nilai 1.547

Selain itu, dapatan hasil kajian juga dapat merumuskan bahawa Model Autoregresi Teguh (RAR) yang telah dibina adalah kurang sensitif terhadap data ekstrim (*outliers*). Hasil ini dapat dilihat melalui perbandingan graf bagi Model Linear Autoregresi (AR) dan graf bagi Model Autoregresi Teguh (RAR). Daripada dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa



penganggaran berdasarkan Model Teguh dapat memperbaiki prestasi bagi sesuatu model peramalan yang digunakan.

Di samping itu, daripada hasil kajian juga dapat disimpulkan bahawa Model RAR dapat mengkaji keboleh ramalan dari segi ketepatan ramalan berdasarkan tiga kaedah ramalan yang diguna (RMSE, MAE, MAD) di mana MAD memberikan nilai yang terkecil apabila diuji dengan data yang telah diteguhkan oleh Model RAR bagi kadar pertukaran bagi USD/RM dan JPY/RM.

## 5.2 Cadangan

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dijalankan. Antaranya penyelidik disarankan agar membina Model Teguh regresi terhadap model tak linear yang dikenali sebagai Model Teguh Rangkaian Neural (RNN) untuk membuat kajian bagi ketepatan peramalan kadar pertukaran.

Selain itu, penganggar titik kegagalan tinggi (*high breakdown point*) lain seperti kaedah Kemasan Kuasa dua Terkecil (*Least Trimmed Square-LTS*), kaedah Kuasa dua Median Terkecil (*Least Median Square-LMS*) dan Kaedah mengesan data tercemar yang lain boleh dipertimbangkan untuk memperolehi model peramalan teguh.

Walaupun keputusan empirik yang diperoleh menunjukkan pendekatan regresi teguh boleh memperbaiki ketepatan bagi model peramalan, tetapi penambahbaikan oleh model itu sendiri adalah tidak begitu sesuai untuk memastikan model teguh boleh mengatasi model perjalanan rawak (RW). Oleh itu, adalah lebih baik jika penyelidik dapat mempertimbangkan model parametrik tak linear, seperti bilinear dan model linear cebis demi cebis (*piecewise*).

Akhir sekali, adalah disarankan agar pendekatan regresi teguh diaplikasikan dalam peramalan bagi data lain di mana diketahui bahawa data tercemar adalah sebahagian daripada data di tangan. Sebagai contoh, meramal kadar pertukaran dengan asas kewangan ataupun dalam peramalan bagi pulangan siri kewangan yang lain. Penyelidik juga boleh menambah bilangan pembolehubah yang digunakan.

## RUJUKAN


- Aelst, S.V., & Willems, G. 2004. Multivariate regression S-estimators for robust estimation and inference. Ghent University and University of Antwerp.
- Copeland, L. 2005. *Exchange rates and international finance*. Prentice-Hall.
- Gervini, D., & Yohai, V.J. 2002. A class of robust and fully efficient regression estimators. *The Annals of Statistics*, 30: 583 – 616.
- Hund, E., Massart, D.L., Verbeke, J.S. 2002. Robust regression and outlier detection in the evaluation of robustness tests with different experimental designs. *Analytica Chimica Acta*, 463: 57-73.
- Lawrence, K. D., & Arthur, J. L. 1990. *Robust regression: analysis and application* New York.
- Mokhtar Abdullah. 1994. *Analisis Regressi*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
